

# Dr. Mahathir rasmi Perhimpunan Hari Pekerja 1 Mei

UM 29 APR 2002

KUALA LUMPUR 28 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan Perhimpunan Hari Pekerja Bagi Anggota Sektor Awam 2002 di Institut Tadbiran Awam Negara, Bukit Kiara di sini, Rabu ini.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Abdul Rahman Manan berkata, perhimpunan bertemakan *Pekerja Berilmu, Negara Maju* dijangka dihadiri oleh 800 kakitangan awam.

“Kita memilih tema tersebut kerana berpendapat kemajuan negara mempunyai hubungan erat dengan kemahiran terkini yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau berkata, peserta perhimpunan tersebut juga akan diberi peluang berdialog dengan Perdana Menteri mengenai pelbagai isu berkaitan kakitangan awam.

Perhimpunan tersebut juga akan dihadiri oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Sempena sambutan Hari Pekerja kali ini, katanya, Cuepacs juga akan menganjurkan Seminar Asas Am Pihak Pekerja pada 30 April di Hotel Novotel Century, Kuala Lumpur.

Seramai 350 peserta dijangka menghadiri seminar tersebut.